

11 OCT 2003

RAFIDAH-APEC

MESYUARAT MENTERI APEC KAJI PELAKSANAAN INISIATIF SEDIA ADA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Peringkat Menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) Ke-15 yang akan berlangsung dari 17 hingga 18 Okt. di Bangkok, Thailand, akan mengkaji pelaksanaan inisiatif sedia ada dan menetapkan rangka kerja bagi kegiatan dalam 2003.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata sebagai pengerusi Apec 2003, Thailand telah menetapkan tema "A World of Differences: Partnership for the Future" yang mencerminkan keupayaan pelbagai keahlian Apec untuk bekerjasama bagi pembangunan ekonomi bersama.

Rafidah akan mengetuai perwakilan Malaysia yang terdiri daripada 18 anggota dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia ke mesyuarat menteri-menteri Apec itu.

Beliau juga akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Apec pada 20 dan 21 Okt.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri "Hari Kualiti" kementerianya, Rafidah berkata inisiatif Apec sedia ada pada tahun 2003 yang akan dikaji termasuklah inisiatif memasukkan standard ketelusan ke dalam peraturan, undang-undang dan prosedur pentadbiran dalam bidang-bidang seperti pelaburan, harta intelek dan prosedur kastam.

Yang lainnya ialah meningkatkan aktiviti memudahkan cara perdagangan dalam bidang prosedur kastam, e-dagang, standard teknikal dan mobiliti perniagaan untuk mengurangkan kos urus niaga sebanyak lima peratus menjelang 2006.

Satu lagi inisiatif ialah meningkatkan pembukaan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan digital menerusi bidang-bidang seperti pemansuhan tarif, liberalisasi perkhidmatan dan perlindungan hak harta intelek, khususnya dalam menangani cetak rompak cakera optik.

Turut akan dikaji ialah usaha mengukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala menerusi program-program pembinaan keupayaan dan keyakinan berkaitan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi menyokong Agenda Pembangunan Doha.

Rafidah berkata menteri-menteri itu juga akan membincangkan inisiatif-inisiatif baru bagi pelaksanaan pada 2004, termasuk program kerja bagi menyokong rundingan WTO pasca Cancun.

Yang lainnya termasuklah Pelan Pelaksanaan bagi Inisiatif Keselamatan Tenaga yang memberi penekanan kepada pertukaran maklumat, mekanisme tindak balas kecemasan, pengemaskinian data minyak dan keselamatan bekalan tenaga.

Juga akan dibincangkan ialah Pelan Tindakan bagi Pembaharuan Struktur yang memberi tumpuan kepada usahama membina keupayaan dalam bidang-bidang seperti dasar persaingan, undang-undang komersial, deregulasi dan tadbir urus korporat, Panduan Keselamatan Rangkaian Bekalan Sektor Swasta, merangkumi bidang-bidang seperti keselamatan fizikal dan kawalan masuk premis, keselamatan prosedur dan dokumentasi serta pengurusan krisis.

Kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan SARS (sindrom pernafasan akut yang teruk) Apec bagi mengembalikan keyakinan peniaga dan meningkatkan kesediaan menangani kemungkinan SARS muncul semula, juga akan dibincangkan.

Rafidah berkata menteri-menteri itu juga akan membincangkan pembaharuan Apec bagi merasional dan memperkembangkan kegiatan Apec bagi mencapai hasil yang lebih besar dan berfokus serta mempertingkatkan kedudukan relevan Apec dalam ekonomi global.

Tumpuan utama Malaysia ialah terhadap inisiatif bagi mempermudah keselamatan perdagangan, membina keupayaan manusia serta kerjasama ekonomi dan teknikal bagi penglibatan lebih cergas dalam sistem perdagangan pelbagai hala di samping berkongsi kemakmuran di rantau Asia Pasifik. --
BERNAMA

SHO FR KY JR